



Berpandukan gambar yang diberi, isikan tempat kosong dengan kata kerja tak transitif.



1. Jalur Gemilang _____ dengan megahnya. (berkibar , bersinar)



2. Pokok durian itu _____ lebat. (berdaun , berbuah)



3. Yi Wan _____ kerana disengat tebuan. (menarik , menangis)



4. Pak Long _____ sebentar selepas penat membajak sawahnya. (berehat , bersenam)



5. Gopal _____ kerana terpijak kulit pisang. (tergelincir , terkejut)



6. Chee Kong berbasikal sambil _____. (berbual-bual , bersiul-siul)



7. Rohani menyanyi sambil _____ di atas pentas. (menari , bercakap)

